

NO. SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATUK
MANSUR [SILAM]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8197

SOALAN:

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan melalui sistem Biometrik warga asing dan *Sistem Security Nasional Nexcode (NERS)* adakah sistem ini berupaya untuk memantau dan mengawal kemasukan warga asing di Malaysia khususnya Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Biometrik Warga Asing [*National Enforcement Registration System* (NERS)] telah dilaksanakan di semua pintu masuk Imigresen di seluruh negara dengan melibatkan lebih 1,200 kaunter Imigresen.

Sistem ini berupaya untuk mengambil dan mendaftar cap jari warga asing yang melalui pintu masuk yang diwartakan serta melakukan pengesahan terhadap identiti dan status mereka kepada senarai syak (S/L) yang wujud.

Di negeri Sabah, terdapat 11 cawangan pintu masuk yang dilengkapi dengan kebolehan pendaftaran dan penguatkuasaan NERS. Butiran warga asing dan profil biometrik mereka diambil bagi memastikan kemasukan ke dalam negara adalah dilakukan secara sah.

Aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan pantas melalui pemeriksaan dan pengesahan ke atas identiti-identiti warga asing apabila disokong dengan penggunaan kebolehan penguatkuasaan mudah alih yang disediakan melalui sistem NERS.